



MAINTENANCE ORDINANCE 1959

By Dg Nur Khairunnisa binti Noraffandi





ORDINAN NAFKAH 1959

ARRANGEMENT OF SECTIONS

Section

- 1. Short title and commencement.
- 2. Interpretation.
- 3. Power of Court to make order for maintenance of wives and children.
- 4. Power to order interim payments where application for maintenance is adjourned.
- 5. Warrant on neglect to pay.
- 6. Cases in which wife is not entitled to allowance.
- 7. Rescission and variation of order.
- 8. Magistrate may refuse an order where High Court proceeding more convenient.
- 9. Evidence to be taken in presence of husband or father.
- 10. Order enforceable in any district.
- 11. Notice of change of address.
- 12. Jurisdiction of High Court.
- 13. Appeal.
- 14. Procedure.
- 15. Effect of repeal of parts of Cap.30.



SECTION 1
(*SEKSYEN 1*)

SHORT TITLE AND COMMENCEMENT

- This Ordinance may be cited as the Maintenance Ordinance, 1959, and shall come into operation on such date as the Governor may, by notification in the *Gazette*,* appoint.



SECTION 2
(*SEKSYEN 2*)

INTERPRETATION

- In this Ordinance unless the context otherwise requires-
 - “child” includes legitimate or illegitimate child who is unable to maintain itself;
 - “Court” means the Court of a Magistrate of the First Class.

SEKSYEN 2: TAFSIRAN

- “**anak**” termasuklah anak sah taraf atau tidak sah taraf yang tidak mampu untuk menyara diri;
- **Mahkamah**” ertinya Mahkamah Majistret Kelas Pertama.



SECTION 3
(*SEKSYEN 3*)

POWER OF COURT TO MAKE ORDER FOR MAINTENANCE OF WIVES AND CHILDREN

- (1) If any person **having sufficient means** neglects or refuses to maintain or contribute to the maintenance of his wife or any legitimate child unable to maintain itself, a Court upon due proof thereof may order such person to make a monthly allowance to any person named therein for the maintenance of his wife or such child as aforesaid in proportion to the means of such person as to the Court seems reasonable.

RINGKASAN SEKSYEN 3(1)

- Sekiranya seseorang itu mempunyai kemampuan yang cukup tapi mengabaikan ataupun enggan menyara ataupun menyumbangkan nafkah kepada isteri ATAU mana-mana anaknya yang sah yang tidak mampu untuk menyara diri sendiri;
- Mahkamah, selepas mengambil kira segala bukti-bukti, akan **memberikan satu perintah** untuk seseorang itu untuk **membayar elaun bulanan** kepada mana-mana orang yang dinamakan untuk nafkah isteri atau anak tersebut bergantung kepada kadar kemampuan seseorang tersebut berdasarkan apa Mahkamah rasakan munasabah.

POWER OF COURT TO MAKE ORDER FOR MAINTENANCE OF WIVES AND CHILDREN

- (2) If any person having **sufficient means** neglects or refuses to maintain or contribute to maintain his illegitimate child unable to maintain itself, a Court upon due proof thereof may order such person to make such monthly allowance not exceeding fifty ringgit in the whole as to the Court seems reasonable.

RINGKASAN SEKSYEN 3(2)

- Sekiranya seseorang itu **mempunyai kemampuan yang cukup** tapi mengabaikan ataupun enggan menyara ataupun menyumbang kepada penyaraan **anaknyanya yang tidak sah taraf yang tidak mampu untuk menyara diri sendiri**;
- Mahkamah, selepas mengambil kira segala bukti-bukti, akan **memberikan satu perintah** untuk seseorang itu untuk **membayar elaun bulanan** berjumlah **tidak lebih daripada RM 50** berdasarkan apa Mahkamah rasakan munasabah.

POSSIBLE QUESTIONS FOR SECTION 3

- **Adakah Mahkamah mempunyai kuasa untuk memerintahkan seseorang itu untuk membayar nafkah? Kalau ya, bagaimanakah seseorang itu boleh diperintahkan untuk membayar nafkah?**
 - Menurut Ordinan Nafkah 1949, Mahkamah mempunyai kuasa untuk memerintahkan seseorang itu untuk membayar nafkah.
 - Namun begitu, terdapat beberapa syarat yang perlu dipenuhi terlebih dahulu sebelum seseorang itu dapat diperintahkan untuk membayar nafkah tersebut.
 - Sebagai contoh, dalam Seksyen 3(1), seseorang itu perlulah mempunyai **kemampuan yang cukup** tapi **mengabaikan** ataupun **enggan menyara** ataupun **menyumbangkan nafkah** kepada **isteri** atau **mana-mana anaknya yang sah yang tidak mampu untuk menyara diri sendiri**.
 - Sekiranya seseorang itu memenuhi syarat-syarat yang dinyatakan di atas, maka Mahkamah, selepas mempertimbangkan bukti-bukti yang lain, dapat menjatuhkan satu perintah untuk orang tersebut membayar elaun secara bulanan kepada orang yang memohon.

POSSIBLE QUESTIONS FOR SECTION 3

- **Adakah terdapat perbezaan pembayaran nafkah di antara anak sah dan anak yang tidak sah?**
 - Pembayaran nafkah di antara anak sah dan anak yang tidak sah adalah berbeza. Ini boleh dilihat daripada Seksyen 3(1) dan Seksyen 3(2) Ordinan Nafkah 1959.
 - Seksyen 3(1) Ordinan Nafkah 1959 merupakan satu seksyen yang menguatkuasakan Mahkamah untuk memberi perintah kepada seseorang yang mampu untuk menyara, tetapi enggan berbuat demikian untuk membayar elaun bulanan kepada isteri atau anaknya yang sah yang tidak mampu menyara diri. Walau bagaimanapun, elaun bayaran tersebut akan ditentukan oleh Mahkamah berdasarkan kemampuan seseorang itu.
 - Manakala Seksyen 3(2) Ordinan Nafkah 1959 merupakan satu seksyen yang menguatkuasakan Mahkamah untuk memberi perintah kepada seseorang yang mampu untuk menyara, tetapi enggan berbuat demikian untuk membayar elaun bulanan yang tidak melebihi RM 50 kepada anaknya yang tidak sah taraf yang tidak mampu menyara dirinya sendiri. Elaun bulanan untuk anak yang tidak sah taraf adalah ditentukan tidak melebihi RM 50.

POWER OF COURT TO MAKE ORDER FOR MAINTENANCE OF WIVES AND CHILDREN

- (3) Such allowance **shall be payable** from the date of the order or, if so ordered, from the date of the application for maintenance:
 - Provided that the Court may, for special reasons which shall be recorded and having regard to the means of the parties, order the payment of a lump sum by way of arrears in respect of any prior period but **not exceeding twelve times the amount of any allowance ordered** under subsection (1) or (2).

RINGKASAN SEKSYEN 3(3)

- (3) Elaun tersebut boleh dibayar **dari tarikh perintah**, jika diperintahkan, **atau dari tarikh permohonan nafkah**:
 - Dengan syarat bahawa Mahkamah bolehlah, **untuk tujuan-tujuan yang khas** di mana ia boleh direkod dan berkenaan dengan kemampuan parti, memerintahkan **bayaran secara pukal** untuk tunggakan dari mana-mana tempoh sebelumnya **tapi tidak melebihi dua belas kali ganda daripada jumlah mana-mana elaun diperintahkan di bawah subseksyen (1) atau (2)**.

POSSIBLE QUESTIONS FOR SECTION 3

- **Bilakah seseorang itu dikehendaki untuk membayar nafkah?**
 - Menurut Seksyen 3(3) Ordinan Nafkah 1959, seseorang itu akan dikehendaki untuk membayar nafkah bermula dari Tarikh perintah diberikan, sekiranya ada perintah oleh Mahkamah ataupun dia akan dikehendaki untuk membayar nafkah tersebut bermula dari Tarikh permohonan nafkah itu dibuat.

OVERVIEW SECTION 3

- **Section 3(1):** Payment of maintenance to wife or legitimate children that is unable to maintain themselves
- **Section 3(2):** Payment of maintenance to illegitimate children that is unable to maintain themselves, which may not exceed rm 50 per month
- **Section 3(3):** Method of payment of such monthly allowance decided by the Court can start from the date of the Order or the date of the maintenance application; provided that the Court may, for special reasons, order lump sum payment by way of arrears in respect of any prior period but not exceeding 12 times the amount of allowance ordered under subsection (1) or (2).
- For example, the Court may not order the person to pay a lump sum amount of more than RM 600 for Section 3(2) as the maintenance payment is RM 50 per month. $RM\ 50 \times 12 = RM\ 600$.



SECTION 4
(*SEKSYEN 4*)

POWER TO ORDER INTERIM PAYMENTS WHERE APPLICATION FOR MAINTENANCE IS ADJOURNED

- (1) Where, on the hearing of an application for an order of maintenance, the application is adjourned for any period exceeding one week, the Court may order that the husband or father as the case may be, shall pay to any person named therein a weekly sum until the final determination of the case:
- Provided that the order directing such payment shall not remain in operation for more than three months from the date on which it was made.

RINGKASAN SEKSYEN 4(1)

- Sekiranya **pendengaran untuk permohonan nafkah tersebut ditangguhkan** selama mana-mana **tempoh yang melebihi satu minggu**, Mahkamah bolehlah memerintahkan bahawa si suami atau bapa mengikut mana yang berkenaan, **membayar elaun kepada mana-mana orang yang dinamakan secara mingguan** sehingga ke akhir keputusan kes:
- Dengan syarat, perintah memerintahkan bayaran tersebut **tidak terus berkuatkuasa selama lebih dari tiga bulan daripada tarikh di mana ia dibuat.**

POSSIBLE QUESTIONS

- **Apa akan terjadi dengan Pemohon Nafkah sekiranya pendengaran tersebut ditangguh untuk masa melebihi satu minggu?**
 - Berdasarkan apa yang telah dinyatakan dalam Seksyen 4(1) Ordinan Nafkah, sekiranya terdapat penangguhan kes dimana penangguhan tersebut melebihi tempoh seminggu, Mahkamah boleh memrintahkan si suami atau si bapa (bergantung kepada mana-mana yang terpakai dalam pendengaran tersebut), untuk membayar elaun mingguan keppada si Pemohon Nafkah sehingga ke akhir keputusan kes. Walau bagaimanapun, perintah ini tidak boleh terus berkuatkuasa lebih dari tiga bulan daripada Tarikh Perintah ini dibuat.
 - Bukan itu sahaja, adalah patut diingatkan bahawa perintah yang diberikan dibawah Seksyen ini boleh dijalankan sepertimana ia adalah perintah muktamad dari Mahkamah. Ini terbukti dari Seksyen 4(2) Ordinan Nafkah.

POWER TO ORDER INTERIM PAYMENTS WHERE APPLICATION FOR MAINTENANCE IS ADJOURNED

- (2) Any such order shall be enforced in like manner as if it were a final order of the Court.
- (2) Mana-mana perintah yang berkenaan boleh dijalankan sepertimana ia adalah perintah yang muktamad daripada Mahkamah.



SECTION 5
(*SEKSYEN 5*)

WARRANT ON NEGLECT TO PAY

- Any person so ordered **fails without sufficient cause** to comply with any such order under this Ordinance, the Court may, for every breach of the order, by warrant, direct the amount due to be levied in the manner by law provided for levying fines imposed by a Court, and **may sentence him to imprisonment for a term not exceeding one month for each month's allowance remaining unpaid:**
- Provided that if any person against whom an order has been made for the maintenance of his wife **offers to maintain his wife on condition of her living with him and his wife refuses to live with him**, the Court may **consider any grounds of refusal stated by such wife** and **may make or enforce the order aforesaid** notwithstanding such offer, if satisfied that **such person is living in adultery, or that he has habitually treated his wife with cruelty.**

RINGKASAN SEKSYEN 5

- Sekiranya **seseorang yang telah diperintah, tanpa alasan yang munasabah, gagal untuk mematuhi perintah** oleh Mahkamah daripada Ordinan ini. Mahkamah bolehlah, untuk setiap perintah yang dilanggar, memerintahkan jumlah yang tertunggak untuk dilevi berdasarkan undang-undang untuk melewi denda-denda yang ditetapkan oleh Mahkamah, dan **boleh juga menyabitkannya dengan pemenjaraan untuk tempoh tidak lebih daripada satu bulan bagi setiap elaun bulanan yang masih tidak dibayar:**
- Sekiranya suami tersebut yang telah diperintahkan oleh Mahkamah untuk membayar nafkah menawarkan untuk **menyara isterinya dengan syarat dia tinggal bersamanya dan isterinya enggan untuk tinggal bersamanya**, Mahkamah bolehlah mempertimbangkan mana-mana alasan keengganan yang dikemukakan oleh si isteri dan bolehlah membuat atau menguatkuasakan perintah dinyatakan, walaupun terdapat tawaran suami tersebut, sekiranya Mahkamah berpuas hati bahawa suami tersebut telah berzina, atau dia telah dengan kerapnya melayan isterinya dengan kekejaman

POSSIBLE QUESTIONS

- **Apa akan terjadi sekiranya seseorang itu gagal menurut Perintah dari Mahkamah?**
 - Seksyen 5 Ordinan Nafkah 1959 menyatakan bahawa sekiranya seseorang itu gagal untuk menurut perintah dari Mahkamah, Mahkamah boleh memerintahkan seseorang itu untuk:
 - Membayar jumlah yang tertunggak, dan juga boleh
 - Menyabitkan seseorang itu dengan pemenjaraan untuk setiap satu bulan bagi setiap elaun bulanan yang masih tidak dibayar.



SECTION 6
(*SEKSYEN 6*)

CASES IN WHICH WIFE IS NOT ENTITLED TO ALLOWANCE

- No wife shall be entitled to receive an allowance from her husband under this Ordinance if she is living in adultery, or if without any sufficient reason she refuses to live with her husband.

RINGKASAN SEKSYEN 6

- Tiada isteri berhak untuk mendapatkan elaun daripada suaminya di bawah Ordinan ini jika dia berzina, atau tanpa alasan yang munasabah dia enggan untuk tinggal Bersama suaminya.

POSSIBLE QUESTIONS

- **Bolehkah seorang isteri tolak kemahuan suaminya untuk tinggal bersama sepanjang tempoh masa nafkah diberi?**
 - Secara umumnya, seksyen 6 Ordinan Nafkah 1959 menyatakan bahawa isteri tidak dapat diberikan nafkah sekiranya dia tinggal di dalam keadaan berzina, ataupun enggan untuk tinggal Bersama suami tanpa alasan munasabah.
 - Walau bagaimanapun, seksyen 5 juga turut menyatakan bahawa Mahkamah masih boleh memerintahkan nafkah itu diberi kepada isteri walaupun isteri tersebut enggan tinggal Bersama-sama suami sekiranya dibuktikan yang suami tersebut tinggal dalam keadaan zina, ataupun dia telah dengan kerapnya berlaku kejam terhadap isteri.



SECTION 7
(*SEKSYEN 7*)

RESCISSION AND VARIATION OF ORDER

- On the application of any person receiving or ordered to pay a monthly allowance under the provisions of section 3 and on proof of a change in the circumstances of the parties or any of them or for other good cause being shown to the satisfaction of the Court, the Court may rescind the said order or may vary it as it deems fit.

RINGKASAN SEKSYEN 7

- Atas permohonan mana-mana orang yang menerima nafkah tersebut **atau** orang diperintahkan untuk bayar elaun bulanan di bawah peruntukan seksyen 3; dan berdasarkan bukti perubahan mengikut hal keadaan pihak-pihak atau mana-mana mereka atau bagi alasan yang baik ditunjukkan meyakinkan Mahkamah, Mahkamah tersebut **boleh membatalkan perintah tersebut atau boleh mengubah perintah tersebut jika dirasakan perlu.**



SECTION 8
(*SEKSYEN 8*)

MAGISTRATE MAY REFUSE AN ORDER WHERE HIGH COURT PROCEEDING MORE CONVENIENT

- If in the opinion of the Court the matters in question between the parties or any of them would be more conveniently dealt with by the High Court, the **Court may refuse to make an order and direct that the proceedings be transferred to the High Court** and in such case there shall be **no appeal from the decision of the Court:**
- Provided always that the High Court or a judge thereof shall have power by order in any such proceedings or in any proceeding in the High Court relating to or comprising the same subject matter as the application **so refused as aforesaid**, or any part thereof, **to direct the Magistrate to hear or rehear and determine the same.**

RINGKASAN SEKSYEN 8

- Jika menurut pendapat Mahkamah Majistret terdapat perkara dipersoalkan diantara parti atau mana-mana mereka **boleh diuruskan dengan lebih mudah oleh Mahkamah Tinggi**, Mahkamah tersebut **boleh menolak untuk membuat satu perintah dan mengarahkan prosiding ditukarkan ke Mahkamah Tinggi** dan dalam kes demikian tidak sepatutnya ada rayuan daripada keputusan Mahkamah:
- Mahkamah Tinggi atau hakim masih mempunyai kuasa untuk mengarahkan Majistret untuk mendengar atau mendengar semula dan menentukan yang sama.



SECTION 9
(*SEKSYEN 9*)

EVIDENCE TO BE TAKEN IN PRESENCE OF HUSBAND OR FATHER

- (1) All evidence under this Ordinance shall be taken in the presence of the **husband** or **father**, as the case may be:
 - Provided that if the Court is satisfied that he is wilfully avoiding service, or wilfully neglects to attend the Court, the Court may proceed to **hear and determine the case *ex-parte*** but any order so made **may be set aside for good cause shown, on application made within three months from the date thereof.**

RINGKASAN SEKSYEN 9(1)

- Kesemua keterangan di bawah Ordinan ini hendaklah diambil di hadapan **suami** atau **bapa**, jika berkenaan dengan kes ini:
- Walau bagaimanapun, sekiranya Mahkamah berpuas hati bahawa orang tersebut (suami atau bapa) **dengan secara sengaja mengelak servis**, atau **sengaja mengabaikan untuk datang ke Mahkamah**, Mahkamah **bolehlah meneruskan pendengaran dan memutuskan kes secara ex-parte (tanpa kehadiran suami atau bapa tersebut)** tapi mana-mana perintah yang telah dibuat boleh dibatalkan dengan alasan yang munasabah, sekiranya permohonan untuk membatalkan perintah tersebut dilakukan dalam tempoh tiga bulan selepas tarikh perintah tersebut.

EVIDENCE TO BE TAKEN IN PRESENCE OF HUSBAND OR FATHER

- (2) The person against whom an order of maintenance has been applied for or made may be proceeded against in **any district where he resides or where he last resided with his wife, or, as the case may be, the mother of the illegitimate child.**

RINGKASAN SEKSYEN 9(2)

- Perintah nafkah tersebut boleh dipohon untuk didengar di Mahkamah **dari daerah tempat tinggal suami/ bapa** atau **tempat terakhir kali dia tinggal bersama isteri/ ibu kepada anak tidak sah taraf.**

OVERVIEW SECTION 9

- **Section 9(1):** Evidence to be taken in presence of husband or father but if either both evaded service or wilfully neglects to come to Court, the hearing would proceed without them. But any order made from this hearing can be set aside, if such application to be set aside is made within three months from the date of the order
- **Section 9(2):** Hearing of the maintenance application could be heard in the district where the person against the maintenance has been applied resides, or where he last resided with his wife or mother of the illegitimate child

POSSIBLE QUESTIONS FOR SECTION 9

- **Bolehkah Mahkamah teruskan pendengaran tanpa kehadiran si suami atau si bapa?**
 - Seksyen 9(1) Ordinan Nafkah 1959 - boleh sekiranya Mahkamah berpuas hati bahawa si suami/ bapa tersebut dengan secara mengelak servis atau sengaja mengabaikan untuk datang ke Mahkamah
- **Bolehkah Perintah tersebut dibatalkan sekiranya dilakukan tanpa kehadiran si suami atau si bapa?**
 - Boleh- seperti dinyatakan dalam seksyen 9(1) Ordinan 1959, sekiranya permohonan untuk membatalkan perintah tersebut dilakukan dalam tempoh 3 bulan selepas perintah tersebut dibuat.
- **Di manakah pendengaran ini boleh dilakukan?**
 - Seksyen 9(2) Ordinan Nafkah 1959 - di Mahkamah daerah tempat tinggal suami/ bapa ataupun di tempat terakhir kali dia tinggal Bersama isteri/ ibu kepada anak tidak sah taraf



SECTION 10
(*SEKSYEN 10*)

ORDER ENFORCEABLE IN ANY DISTRICT

- A copy of the order of maintenance shall be given to the person for whose maintenance it is made, or to the guardian of such person or the person who is to receive payment, and payment shall be enforced by any Magistrate in any district where the person to whom the order is addressed may be found, on production of the copy of the order, and on the Magistrate being satisfied as to the identity of the parties and the non-payment of the sum claimed.

RINGKASAN SEKSYEN 10

- Satu salinan perintah nafkah hendaklah diberikan kepada
 - Seseorang yang mana permohonan nafkah itu dibuat, atau
 - Kepada penjaga kepada orang tersebut, atau
 - Seseorang yang akan menerima bayaran
- dan bayaran akan dikuatkuasakan oleh mana-mana Majistret di dalam mana-mana daerah di mana seseorang yang perintah itu ditujukan tinggal,
- Dengan syarat Majistret berpuas hati terhadap identiti parti-parti berkenaan, bersama-sama dengan salinan perintah tersebut, dan jumlah tunggakan bayaran nilai yang dituntut.



SECTION 11
(*SEKSYEN 11*)

NOTICE OF CHANGE OF ADDRESS

- Any person liable to make payments under an order under this Ordinance **shall give notice to the person specified in the order who is to receive payment of any change of address, and any person failing to give such notice without reasonable excuse shall be liable on conviction to a fine of two hundred and fifty ringgit.**

RINGKASAN SEKSYEN 11

- Orang yang membayar perlu memberi notis kepada orang yang menerima pembayaran sekiranya ada perubahan alamat.
- Sekiranya gagal berbuat demikian tanpa alasan yang munasabah, sekiranya disabit kesalahan akan didenda dua ratus lima puluh ringgit (RM 250).



SECTION 12
(*SEKSYEN 12*)

JURISDICTION OF HIGH COURT

- The High Court shall have the jurisdiction and powers which belong to and are exercisable by any Court under this Ordinance:
- Provided that on any application made to the High Court such Court shall have the powers conferred by the proviso to section 8.

RINGKASAN SEKSYEN 12

- Mahkamah Tinggi hendaklah mempunyai bidang kuasa dan kuasa yang dimiliki dan boleh dilaksanakan oleh mana-mana mahkamah dibawah Ordinan ini:
 - Dengan syarat bahawa pada setiap permohonan yang dibuat kepada Mahkamah Tinggi, mahkamah itu hendaklah mempunyai semua kuasa yang diberikan oleh syarat seksyen 8.



SECTION 13
(*SEKSYEN 13*)

APPEAL

- (1) Subject to the provisions of this section **an appeal shall lie from any order or the refusal of any order under this Ordinance to the High Court or the Federal Court** as the case may be in exercise of appellate civil jurisdiction.

RINGKASAN SEKSYEN 13(1)

- Tertakluk kepada peruntukan-peruntukan seksyen ini, **suatu rayuan boleh dibuat berdasarkan dari mana-mana perintah atau penolakkan mana-mana perintah** di bawah Ordinan ini ke Mahkamah Tinggi atau Mahkamah Persekutuan.

APPEAL

- **(2) There shall be no appeal on the ground that the amount of any monthly allowance ordered to be paid by any Court under this Ordinance is excessive or insufficient unless such allowance so ordered exceeds the sum of fifty ringgit per month or unless the Court in fixing the amount of such monthly allowance shall have misdirected itself on a matter of law.**

RINGKASAN SEKSYEN 13(2)

- **Tiada rayuan boleh dibuat** atas alasan amaun elaun bulanan yang diperintahkan untuk dibayar oleh mana-mana mahkamah dibawah Ordinan ini
 - **adalah berlebihan;** atau
 - **tidak memadai**
- **melainkan** elaun yang diperintahkan itu **melebihi jumlah lima puluh ringgit satu bulan;** atau
- melainkan mahkamah dalam menetapkan amaun elaun bulanan itu **telah salah mengarahkan dirinya sendiri terhadap sesuatu perkara undang-undang.**

APPEAL

- (3) All appeals brought under this section to the High Court may, if such Court so orders, be by way of rehearing.

RINGKASAN SEKSYEN 13(3)

- Semua rayuan yang dibawa di bawah seksyen ini ke Mahkamah Tinggi boleh, jika mahkamah tersebut perintahkan, dibuat secara perbicaraan semula.

APPEAL

- (4) The procedure, forms and fees in respect of all appeals shall be such as apply to civil appeals from the original Court.

RINGKASAN SEKSYEN 13(4)

- Prosedur, borang dan fi berkaitan dengan semua rayuan hendaklah tertakluk dengan prosedur rayuan sivil dari Mahkamah asal.

APPEAL

- (5) No appeal made under the provisions of this Ordinance from any order shall operate as a stay of such order unless the High Court or the Court so directs.

RINGKASAN SEKSYEN 13(5)

- **Tiada rayuan** yang dibuat di bawah peruntukan-peruntukan Ordinan ini dari mana-mana perintah beroperasi **sebagai penangguhan kepada perintah** itu melainkan Mahkamah Tinggi atau mahkamah arahkan sedemikian.



SECTION 14
(*SEKSYEN 14*)

PROCEDURE

- (1) Notwithstanding the civil nature thereof all applications to a Court under this Ordinance shall be made and heard substantially in the same manner and in accordance with the same procedure as applications for maintenance under the provisions of **section 335 of the Criminal Procedure Code** *[Cap. 30 Revised Edition.]* were made and heard by such Court immediately before the coming into force of this Ordinance.

RINGKASAN SEKSYEN 14(1)

- Walau apa pun sifat sivilnya, semua permohonan ke mahkamah di bawah Ordinan ini hendaklah dibuat dan didengar secara substansial dengan cara yang sama dan menurut prosedur yang sama dengan permohonan-permohonan nafkah di bawah peruntukan-peruntukan seksyen 335 Kanun Tatacara Jenayah [*Bab. 30 Edisi Semakan*] dibuat dan didengar oleh mahkamah tersebut sejurus sebelum berkuat kuasanya Ordinan ini.

PROCEDURE

- (2) Rules of court regulating the practice and procedure for hearings and appeals not inconsistent with the provisions of this Ordinance and providing for forms and fees in connection therewith may be made-
 - (a) by the Rules Committee appointed under the Courts of Judicature Act, 1964 [Act 91.], in relation to practice and procedure in the High Court; and
 - (b) by the Subordinate Courts Rules Committee appointed under the Subordinate Courts Rules Act, 1955 [Act 55.], in relation to practice and procedure in the Subordinate Courts,
- and any such rules may provide that subsection (1) shall cease to apply to all or any proceedings under this Ordinance.

RINGKASAN SEKSYEN 14(2)

- (2) Aturan-aturan mahkamah yang mengatur pengamalan dan prosedur perbicaraan-perbicaraan dan rayuan-rayuan tidak bertentangan dengan peruntukan-peruntukan Ordinan ini dan memperuntukkan borang dan bayaran berkaitannya boleh dibuat—
 - (a) oleh Jawatankuasa Peraturan yang dilantik di bawah Akta Mahkamah Kehakiman 1964 [Akta 91] berkaitan dengan amalan dan prosedur di Mahkamah Tinggi; dan
 - (b) oleh Jawatankuasa Kaedah-Kaedah Mahkamah Rendah yang dilantik di bawah Akta Kaedah-Kaedah Mahkamah Rendah 1955 [Akta 55] berkaitan dengan amalan dan prosedur di Mahkamah Rendah.
- dan mana-mana peraturan-peraturan yang memperuntukan bahawa subseksyen (1) hendaklah terhenti terpakai kepada semua atau mana-mana prosiding di bawah Ordinan ini.



SECTION 15
(*SEKSYEN 15*)

EFFECT OF REPEAL OF PARTS OF CAP. 30

- It is hereby declared that any reference in this Ordinance or any other written law to Chapter XXXIII of the Criminal Procedure Code shall be construed as a reference to the appropriate provision of this Ordinance.

RINGKASAN SEKSYEN 15

- Dengan ini diisytiharkan bahawa apa-apa rujukan di dalam Ordinan ini atau mana-mana undang-undang bertulis yang lain merujuk kepada Bab XXXIII Kanun Tatacara Jenayah hendaklah ditafsirkan sebagai rujukan kepada mana-mana peruntukan yang sesuai dari Ordinan ini.

- Cap. 30 was repealed and replaced by Ordinance No. 4 of 1959. Ordinance No. 4 of 1959 was later repealed by Act A324 which extended to Sabah F.M.S. Cap. 6.



THANK
YOU
& GOOD
LUCK